

• Hospital dengan pelaburan RM200 juta itu dibangunkan Angkasa dan Koperasi Sumbesta

## Hospital swasta baharu di Kuching

NURZILLA MOHAMAD

**SIBU:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) semalam memeterai perjanjian persefahaman dengan Koperasi Sumbesta Berhad berkenaan projek Hospital Swasta yang dicadangkan untuk dibangunkan di Jalan Song, Kuching.

Presiden Angkasa Dato' Abdul Fattah Abdullah berkata antara tujuan utama projek dengan nilai pelaburan keseluruhan (GDC) RM200 juta ini adalah untuk menjayakan pelancongan kesihatan di negeri dan rantau ini.

"Malaysia merupakan salah satu negara yang menjadi pilihan untuk

mendapatkan rawatan perubatan di rantau ini kerana fasiliti yang ada di negara kita antara yang terbaik, selain kos rawatan yang kompetitif.

"Sepanjang tahun lalu, dicatatkan 32 juta pelancong mengunjungi negara ini dan daripadanya 1.1 juta adalah untuk tujuan perubatan.

"Dengan keanggotaan Angkasa di dalam Pertubuhan Koperasi Se-Asean (ACO) yang mempunyai kira-kira 64 juta anggota dari seluruh Asean, kita yakin akan dapat menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia untuk menjalani rawatan sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Ramah Tamah Aidilfitri Angkasa



**SAKSI ...** Dato' Abdul Fattah Abdullah (berdiri tengah) menyaksikan Mohamad Azmi Omaruddin menandatangani dokumen memorandum persefahaman dengan Wong di SibU, semalam.

Negeri Sarawak 2019 'Gawai Raya' di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Pada majlis itu, Abdul Fattah telah menyaksikan pemeterian MoU antara Angkasa yang diwakili oleh Naib Presiden Angkasa Mohamad Azmi Omaruddin dengan Koperasi Sumbesta Berhad yang diwakili oleh pengerusinya Nicholas Wong.

Hadir sama Pengerusi Perhubungan Angkasa Negeri Sarawak Wan Azizan Wan Zainal Abidin dan Timbalan Presiden Angkasa Dato' Che Mohd Shukree Che Isa.

Menurut Abdul Fattah, projek yang akan dibangunkan diatas tanah seluas tiga ekar itu bakal menempatkan bangunan hospital dengan kapasiti

33 katil bersama 300 unit perkhidmatan pangsapuri, dengan setiap pangsapuri mempunyai dua buah bilik, menjadikan kesemua adalah 600 bilik.

Untuk itu katanya, unit pangsapuri akan dimiliki oleh koperasi, bermaksud koperasi akan membeli unit pangsapuri atau bilik untuk disewakan mengikut konsep Kondominium Hotel, kemudian koperasi boleh serahkan kepada koperasi-koperasi untuk diuruskan.

"Kenapa Angkasa terlibat dalam bidang ini, kerana Angkasa ingin menyediakan kemudahan kepada ahli-ahli termasuk menjaga kebajikan, selain daripada untuk mengambil bahagian dalam bidang ini," ujarnya.



**SELAMAT HARI RAYA ...** Dato' Abdul Fattah Abdullah (baju putih) menyampaikan duit raya kepada anak yatim yang dijemput pada majlis itu.